



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN**  
**KOD KURSUS : DSM2133**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2024**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas ini mengandungi **DUA (2)** bahagian :  
BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini :
  - i. Kertas soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan
  - iv. Akta Pekerjaan 1955

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
**KERTAS INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN**

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab semua soalan pada kertas jawapan.

1. Apakah maksud kontrak perkhidmatan?
  - A Kepercayaan yang diletakkan kepada pihak majikan terhadap perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama.
  - B Apabila organisasi menawarkan tugas khusus kepada pihak iaitu selain daripada pekerja mereka.
  - C Penentuan hak pekerja yang terbaik sebagai pengetahuan kepada pihak majikan mengikut Akta Kerja 1955.
  - D Perjanjian yang dibuat secara lisan, bertulis, nyata atau tersirat iaitu seseorang bersetuju untuk menggaji individu sebagai pekerja.
  
2. Tanggungjawab majikan ialah menyediakan perkara-perkara berikut kepada pekerjanya **kecuali**
  - A menyediakan kerja dan upah.
  - B menyediakan kerja dan bonus.
  - C menyediakan sistem kerja yang selamat.
  - D menyediakan kerja yang sah dari sudut undang-undang.
  
3. Mengapakah pekerja perlu bertanggungjawab kepada majikan dengan mematuhi arahan majikannya?
  - A Hal ini disebabkan telah termaktub dalam Akta Pekerjaan 1955.
  - B Hal ini disebabkan pekerja hanya perlu pada arahan yang sah sahaja.
  - C Hal ini disebabkan mahkamah telah memutuskan menolak untuk mematuhi arahan majikan adalah tindakan ketidakpatuhan secara sengaja.
  - D Hal ini disebabkan majikan dan pekerja dianggap sebagai ejen kepada majikannya dan perlu melaksanakan tugas yang diarahkan oleh majikan.

4. Encik Amir bekerja sebagai pembantu teknikal. Beliau dibayar RM40 sehari. Pada suatu hari, majikan meminta Encik Amir untuk datang bekerja pada hari cuti rehat beliau kerana ada kerja yang perlu dilakukan. Sekiranya Encik Amir datang bekerja selama 4 jam semasa hari cuti rehat beliau, berapakah jumlah upah Encik Amir pada hari tersebut?
- A RM 40
  - B RM 80
  - C RM 100
  - D RM 120
5. Jika majikan di Syarikat Julies Sdn. Bhd. membayar upah pekerja pada setiap 26 hari bulan, bilakah tempoh terakhir tarikh bayaran upah bulan Oktober 2022?
- A 31 Oktober 2022
  - B 1 November 2022
  - C 2 November 2022
  - D 7 November 2022
6. Mengapakah tiada cuti gantian sekiranya tempoh cuti bersalin adalah pada cuti umum?
- A Pekerja sudah mempunyai lebih lima orang anak ketika tempoh cuti bersalin.
  - B Pekerja telah dibayar gaji bulanan sebagai ganti cuti umum dalam tempoh cuti bersalin.
  - C Seorang pekerja wanita layak mendapat sekurang-kurangnya 98 hari cuti bersalin secara berturut-turut.
  - D Cuti bersalin adalah selama 98 hari termasuk rehat dan sebarang cuti umum yang jatuh dalam tempoh tersebut.
7. Mengapakah Mahkamah Perindustrian tidak mempunyai hak ke atas pertukaran tempat kerja pekerja?
- A Pertukaran ini bukan tujuan merugikan pekerja.
  - B Pertukaran ini tidak bercanggah dengan kontrak dan terma pekerjaan.
  - C Pertukaran ini tidak melibatkan perubahan dalam syarat perkhidmatan.
  - D Pertukaran tempat kerja pekerja adalah salah satu prerogatif pengurusan.

8. Berikut adalah **tidak benar** berkenaan isu tempoh percubaan pekerja **kecuali**
- A pekerja boleh meminta tempoh percubaannya dilanjutkan sekiranya dia masih lagi memerlukan latihan.
  - B pekerja percubaan tidak mempunyai hak yang sama seperti pekerja tetap yang dilindungi di bawah Akta Pekerjaan 1955.
  - C Pekerja percubaan akan kekal dalam tempoh percubaan walaupun tempoh percubaannya telah tamat selagi tidak disahkan jawatan oleh majikan.
  - D tempoh percubaan adalah hak mutlak majikan iaitu boleh memanjangkan, memendekkan atau memecat terus pekerja terbabit.
9. Encik Tajudin terpaksa bertukar tempat kerja akibat prestasi kerja beliau yang semakin merosot. Pengurus mendapati beliau tidak mempunyai kemahiran yang bersesuaian dengan tempat kerja lamanya itu. Untuk mengelakkan daripada berlakunya rasa tidak puas hati yang berterusan, Encik Tajudin perlu diterangkan tentang
- A tindakan yang boleh diambilnya.
  - B beliau boleh merayu sekiranya enggan bertukar tempat kerja.
  - C beliau mempunyai hak untuk tidak bersetuju dengan keputusan majikan.
  - D semua kaedah pertukaran dan perpindahan tempat kerja adalah di bawah kuasa majikan.
10. Berikut merupakan pihak-pihak yang terlibat ketika Siasatan Domestik dijalankan.
- A Pekerja, pendakwa, juri dan setiausaha
  - B Pekerja, pegawai pendakwa, juri, saksi dan setiausaha
  - C Pekerja, pegawai penyiasat, pegawai pendakwa dan juri
  - D Pekerja, pegawai penyiasat, pegawai pendakwa, juri dan pengerusi

11. Pada pendapat anda mengapakah pekerja yang melakukan salah laku perlu diberi peluang untuk menyatakan kesnya semasa perbicaraan?
- i Bertindak adil dan saksama.
  - ii Membuktikan bahawa tindakan majikan itu wajar.
  - iii Mengetahui sebab mengapa salah laku itu berlaku.
  - iv Prinsip undang-undang seseorang itu dikatakan tidak bersalah sehingga dia dibuktikan bersalah.
- A i dan iv  
B iii dan iv  
C i, ii, dan iii  
D i, ii, iii dan iv
12. Berikut merupakan perkara yang tidak benar berkenaan prosedur pemecatan tidak adil **kecuali**
- A keputusan Ketua Pengarah adalah muktamad dan semua pihak perlu akur terhadap keputusan yang telah diberikan.
  - B Ketua Pengarah mempunyai hak untuk mengikut atau mengeneipkan keputusan yang telah dibuat oleh majikan.
  - C orang yang membuat rayuan terhadap pemecatan tidak adil hendaklah terhad kepada pekerja tetap dan kontrak sahaja.
  - D pernyataan bertulis boleh dibuat kepada Ketua Pengarah hendaklah dilakukan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemecatan berlaku.
13. Johan dituduh mencuri duit syarikat. Selepas siasatan domestik dijalankan, pihak majikan berhak untuk
- A memecat Johan tanpa notis.
  - B memberi amaran bertulis kepada Johan.
  - C mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Johan.
  - D memberi peluang kepada Johan untuk berubah.

14. Pada pendapat anda apakah sebab utama konsep prinsip terakhir masuk dan pertama keluar (*LIFO*) boleh digunakan oleh majikan apabila mahu mengurangkan pekerja?
- A Pekerja lama lebih berdikari.
  - B Pekerja lama sudah berstatus tetap.
  - C Pekerja baharu melibatkan kos yang lebih tinggi.
  - D Pekerja baharu masih banyak yang perlu diberi tunjuk ajar.
15. Puan Mariam telah mengalami kemalangan di tempat kerjanya sehingga menyebabkan kehilangan kedua-dua kakinya. Dia berhasrat memohon faedah di bawah Skim Insurans Bencana Pekerja. Nasihatkan Puan Mariam berkenaan faedah yang boleh diterima olehnya.
- i Faedah Penakat.
  - ii Faedah Perubatan.
  - iii Faedah Kembali Bekerja.
  - iv Faedah Layanan Sentiasa.
- A ii dan iv
  - B iii dan iv
  - C i, ii, dan iii
  - D i, ii, iii dan iv
16. Berikut merupakan pekerja yang tidak dilindungi di bawah Sistem Insurans Pekerjaan 2017 **kecuali**
- A Limah bekerja sendiri dan berusia 60 tahun.
  - B Ali yang berusia 45 tahun bekerja sebagai Pengawal Keselamatan.
  - C Budir yang berasal dari Bangladesh bekerja sebagai buruh binaan.
  - D Munah yang berusia 30 tahun bekerja sebagai pembantu perubatan.

17. Berikut merupakan pihak-pihak yang diwajibkan mencarum di bawah Ordinan KWSP 1961.
- i Rashidi yang bekerja sebagai pembantu perubatan.
  - ii Taufik yang bekerja secara sambilan sebagai pemandu e-panggilan.
  - iii Lukman yang bekerja semula di syarikat swasta selepas bersara kerajaan pada usia 65 tahun.
  - iv Yunus yang telah pulih dari kesihatannya dan bekerja semula dalam mana-mana perkhidmatan pekerjaan.
- A i, ii, dan iii  
B i, ii, dan iv  
C i, iii dan iv  
D ii, iii dan iv.
18. Berikut merupakan situasi-situasi yang membenarkan pekerja melakukan pengeluaran dari Skim Pengeluaran Wang Caruman KWSP Akaun 2 **kecuali**
- i Hisyam mahu membeli rumah baru di bandar.
  - ii Aiman mahu memulakan perniagaan memelihara lembu.
  - iii Danial mahu mengeluarkan wangnya untuk tujuan pelaburan.
  - iv Aisyah mahu mengeluarkan wangnya untuk menyambung pelajaran.
- A i dan ii  
B i dan iv  
C ii dan iii  
D i, ii, iii dan iv
19. Bilakah penubuhan Mahkamah Perindustrian?
- A 1940  
B 1945  
C 1947  
D 1948



20. Manakah antara berikut **bukan** bidang kuasa Ketua Pengarah Mahkamah Buruh di bawah Seksyen 69 Akta Pekerjaan 1955?
- A Menyiasat dan membuat keputusan berkenaan pertikaian yang melibatkan gaji dan bayaran.
  - B Menyiasat dan membuat keputusan berkenaan sebarang pertikaian di antara pekerja dan majikan.
  - C Menyiasat dan membuat keputusan bagi sebarang tuntutan ganti rugi kerana penamatan kerja tanpa notis.
  - D Mendengar rayuan dan membuat keputusan kembali terhadap keputusan yang telah diputuskan oleh menteri.

[40 MARKAH

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab semua soalan pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

Encik Wafi telah menandatangani satu kontrak perkhidmatan. Beliau ingin mengetahui tentang upah, bonus, elaun, ganjaran dan gratuiti. Jelaskan kepada Encik Wafi mengenai terma dan syarat tersebut.

**(10 markah)**

**SOALAN 2**

Encik Zamani telah melakukan salah laku dan didapati bersalah kerana menggelapkan wang syarikat. Oleh sebab itu, kontraknya telah ditamatkan tanpa mendapat sebarang faedah. Jelaskan **lima (5)** jenis salah laku yang biasa dilakukan oleh pekerja berserta contoh.

**(10 markah)**

**SOALAN 3**

Sebagai seorang Pegawai Sumber Manusia di syarikat anda, anda telah diminta untuk memberi pemahaman kepada pekerja tentang gangguan seksual yang sering berlaku di tempat kerja. Huraikan **lima (5)** bentuk gangguan seksual tersebut beserta contoh.

**(10 markah)**

**SOALAN 4**

Menurut Seksyen 12(1) mana-mana pihak majikan atau pekerja yang terlibat dalam kontrak perkhidmatan boleh pada bila-bila masa memberikan kepada pihak yang satu lagi notis tentang niatnya untuk menamatkan sesebuah kontrak perkhidmatan. Terangkan **lima (5)** sebab berlakunya penamatan kontrak.

**(10 markah)**

**SOALAN 5**

Marzuki merupakan seorang pekerja di sebuah Syarikat Penerbangan Xlines. Beliau telah mengalami hilang upaya kekal disebabkan oleh kemalangan di tempat kerja. Marzuki telah memohon Skim Keilatan Perkeso untuk meringankan beban beliau bagi menyara keluarganya. Nasihatkan Marzuki mengenai faedah yang boleh diperolehinya di bawah skim keilatan tersebut.

(12 markah)

**SOALAN 6**

KWSP ditubuhkan pada 1 Oktober 1961 di bawah Ordinan KWSP. KWSP merupakan sebuah badan berkanun dan tabung amanah yang diwujudkan bagi pihak menyediakan faedah persaraan kepada ahli-ahlinya apabila mereka bersara kelak. Jelaskan **empat (4)** jenis bayaran yang **dikecualikan** daripada caruman KWSP untuk rujukan pihak majikan.

(8 markah)

[60 MARKAH]

**-KERTAS SOALAN TAMAT-**

